

SULIT
3766/2
Perniagaan
Kertas 2
2020
2jam 15 minit

UJIAN DIAGNOSTIK 2
TINGKATAN 5

PERNIAGAAN

KERTAS 2
Dua Jam Lima Belas Minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian: **Bahagian A** ,**Bahagian B** dan **Bahagian C**.*
2. *Jawab **lima** soalan di **Bahagian A** ,**dua** soalan di **Bahagian B** dan **satu** soalan wajib di **Bahagian C**..*
3. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraiian ditunjukkan dalam kurungan.*
4. *Penggunaan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan dibenarkan.*

BAHAGIAN A

[50 markah]

Jawab mana-mana lima soalan sahaja.

- 1 (a) Gambar di bawah menunjukkan dua jenis organisasi.



Organisasi A



Organisasi B

Apakah perbezaan bagi kedua-dua jenis organisasi di atas

[4 markah]

- (b) Nyatakan maksud perniagaan francais .

[2 markah]

- (c) Jelaskan kebaikan perniagaan francais kepada francaisor?

[4 markah]

2. (a) Di Malaysia, di bawah kerajaan negeri, terdapat kerajaan tempatan yang berperanan menguruskan hal ehwal tempatan.

- (i) Nyatakan peranan kerajaan pusat dari aspek perundangan

[3 markah]

- (ii) Terangkan bagaimanakah kerajaan pusat membantu memperkembangkan aktiviti perniagaan.

[4 markah]

- (b) Jelaskan faktor dalaman yang dapat mempengaruhi peningkatan aktiviti perniagaan

[3 markah]

3. (a) Visi, Misi dan Objektif perniagaan merupakan perancangan yang digunakan oleh organisasi perniagaan dalam mencapai sesuatu matlamat yang telah ditetapkan. Jelaskan maksud Visi perniagaan [2 markah]

(b) Syarikat Fesyen Muslimah telah menetapkan objektif seperti berikut:

- Menubuhkan seberapa banyak cawangan di seluruh negara
- Mencapai keuntungan sekurang-kurangnya RM4 juta
- Fesyen yang direka akan menjadi fesyen kesukaan Muslimah di seluruh

Terangkan kesan yang dialami oleh syarikat Fesyen Muslimah sekiranya gagal dalam mencapai objektif perniagaannya [6 markah]

(c) Keputusan untuk pembelian sesuatu barang hanya dapat dilakukan selepas melalui beberapa proses utama dan mendapat kelulusan daripada pengurusan tertinggi. Jelaskan peranan fungsian pembelian dalam sesebuah perniagaan [2 markah]

4. (a) Pengurusan sumber manusia dalam sesebuah perniagaan mempunyai peranan yang tertentu. Jelaskan peranan dari aspek pemberhentian pekerja [3 markah]

(b) Syarikat pembinaan Mega Bina telah menyediakan Standard Prosedur Operasi (SOP) untuk menjaga keselamatan pekerjaannya. Jelaskan aspek pengeloaan sumber manusia berkaitan Standard Prosedur Operasi (SOP) [4 markah]

(c) Nyatakan tiga jenis sumber teknologi yang diperlukan dalam operasi sesebuah organisasi [3 markah]

5 (a) Logo 1 menunjukkan satu bentuk sumber pembiayaan perniagaan.



(i) Nyatakan sumber pembiayaan tersebut? [1 markah]

(ii) Huraikan jenis pembiayaan yang disediakan di 5(a)(i) kepada usahawan yang ingin memulakan perniagaan? [3 markah]

(b) Jelaskan kekuatan sumber pembiayaan di 5(a)(i). [2 markah]

(c) Jelaskan kelebihan overdraf dalam membantu peniaga meluaskan perniagaan. [4 markah]

6 (a) Terangkan jenis dokumen yang perlu disimpan oleh seorang peniaga bagi memudahkan penyata kewangan disediakan. [4 markah]

(b) Mengapakah keupayaan membina jenama menjadi salah satu kekuatan diri usahawan? [3 markah]

(c) Latifah merupakan seorang usahawan berjaya. Senaraikan sumbangan Latifah kepada masyarakat. [3 markah]

Bahagian B

7. (a) Gambar di bawah berkaitan logo sejenis bentuk perniagaan lain.



Encik Razali bercadang untuk membuka cawangan bagi perniagaan berlogo di atas.

- i. Apakah bentuk perniagaan yang ingin dibuka oleh Encik Razali? [1 markah]
- ii. Pada pendapat anda, mengapakah beliau berminat untuk membuka perniagaan tersebut? [8 markah]

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan Syarikat Adabi iaitu pengeluar pelbagai jenis tepung yang beroperasi di Rawang, Selangor

Bilangan Pekerja	80 orang
Jumlah Jualan Tahunan	RM 20 juta
Pasaran	Melaka, Perak, Selangor, Kedah
Visi perniagaan	“Mengeluarkan produk makanan halal yang bermutu tinggi dan menepati citarasa tempatan dan antarabangs

Jelaskan saiz dan sektor bagi syarikat Adabi tersebut

[6 markah]

- 8 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan Analisis Nisbah Asas dua buah syarikat yang menjalankan perniagaan menjual tudung berjenama.

Perkara	Mariam Sdn. Bhd (RM)	Dalila Sdn. Bhd (RM)
Kos jualan	144,600	125,500
Untung bersih	105,500	86,600
Modal awal	198,800	184,400
Liabiliti semasa	10,600	11,100
Aset semasa	14,100	13,100

Syarikat manakah yang mencapai prestasi yang baik dalam perniagaan. Beri alasan anda. [7 markah]

- (b) Cadangkan cara yang boleh anda lakukan untuk meningkatkan operasi perniagaan yang berprestasi rendah. [8 markah]

9 (a) Berikut merupakan maklumat situasi pertumbuhan ekonomi sebuah negara.

Sebuah negara mengalami suatu masalah ekonomi yang menjadi semakin serius. Harga barang dan perkhidmatan menurun secara berterusan . Faktor yang menyebabkan ini berlaku termasuklah faktor permintaan jatuh disebabkan oleh penduduk meramalkan harga barang dan perkhidmatan akan terus jatuh. Pembeli memilih untuk menangguhkan pembelian

(i) Nyatakan situasi pertumbuhan ekonomi negara tersebut? [1 markah]

(ii) Apakah kesan masalah ekonomi tersebut terhadap rakyat sesebuah negara. [4 markah]

(iii) Bagaimanakah pihak kerajaan mengatasi situasi tersebut? [6 markah]

(b) Maklumat berikut berkaitan akta yang perlu dipatuhi oleh usahawan yang ingin memulakan perniagaan.

Akta Pendaftaran Perniagaan 1956

(i) Nyatakan dua bentuk milikan perniagaan di bawah akta tersebut [2 markah]

(ii) Apakah akta-akta yang berkaitan penubuhan sesebuah entiti perniagaan selain dari akta tersebut? [2 markah]

BAHAGIAN C**(20MARKAH)**

Soalan ini **WAJIB** jawab

10. Encik Ali mengusahakan kedai makan yang menjual mi bandung di Jasin dibantu isterinya Puan Aini. Mi bandung mereka mendapat sambutan hangat daripada penduduk dan juga pekerja pejabat di kawasan berdekatan. Antara tarikan kedai makannya ialah dia menjual pelbagai jenis mi bandung iaitu mi bandung ayam, mi bandung udang, mi bandung sotong, mi bandung ketam dan mi bandung daging. Seorang pelanggan tetapnya, Encik Ahmad berminat untuk menyumbangkan modal dan kepakaran. Beliau juga mencadangkan agar mereka mengusahakan penjualan perencah mi bandung secara besar-besaran.

Idea ini telah mendorong Encik Ali untuk membuat perubahan pada perniagaannya. Beliau hendak mengembangkan perniagaannya ke tahap yang lebih mencabar. Beliau mula menetapkan sasaran untuk membawa produk mereka ke seluruh negara. Encik Ali membina sebuah kilang kecil di belakang rumahnya untuk membungkus perencah mi bandung dengan menggunakan label “Perencah Mi Bandung Sedap”.

Anak mereka, Amira mencadangkan agar ayahnya membuat promosi yang agresif. Amira juga telah berjaya memperkenalkan “Perencah Mi Bandung Sedap” kepada kawan-kawannya. Usaha ini telah membuahkan kejayaan yang amat memberangsangkan. Lantaran itu, Encik Ali ingin membesarkan lagi perusahaan kecilnya.

Perkembangan perniagaan hanya boleh dilakukan dengan adanya wang modal yang mencukupi. Amira membantu ibu bapanya menyediakan Rancangan Perniagaan kerana dia sedar kepentingan dokumen ini. Mereka sepakat berikhtiar dan tidak akan berputus asa untuk mengejar kejayaan yang diimpikan selama ini untuk membawa “Perencah Mi Bandung Sedap” ke seluruh negara.

- (a) Jelaskan jenis milikan perniagaan yang diusahakan oleh Encik Ali di kampungnya.

[2markah]

- (b) Encik Ali bersetuju dengan cadangan Encik Ahmad untuk mengusahakan penjualan perencah mi bandung. Huraikan milikan perniagaan yang sesuai ditubuhkan oleh mereka.

[4markah]

- (c) (i) Mengapakah kejayaan Amira menjadi pendorong kepada Encik Ali untuk memperbesarkan lagi perniagaannya? [4markah]
- (ii) Cadangkan cara terbaik yang boleh digunakan untuk memperkenalkan “Perencah Mi Bandung Sedap kepada masyarakat [4markah]
- (d) (i) Nyatakan dua sifat usahawan selain daripada tidak berputus asa dalam pernyataan di atas? [2 markah]
- ii) Sejauh manakah rancangan perniagaan dapat membantu perniagaan Encik Ali ini untuk mencapai impiannya? [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT